



SAHABAT...pasukan UPM dan UiTM Melaka bergambar sebelum perlawanan.

# Veteran UPM benam UiTM

>>Oleh Nazri Abu Bakar  
sukan@hmetro.com.my

**P**ASUKAN bola sepak veteran Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, 2-1 pada aksi persahabatan di UPM Serdang, Bangi baru-baru ini.

Ketua pasukan UPM, Saheh Said berkata, rakan sepasukan berjaya memperagakan sembahang memberangsangkan walaupun pelawat mendahului 1-0 pada babak pertama perlawanan.

“Walaupun sekadar aksi persahabatan, ia juga medan mengerat hubungan silaturahmi selain memupuk bu-

daya bersukan di kalangan penjawat awam,” katanya.

Kemenangan itu turut menebus kehampaan UPM selepas tewas pada aksi peringkat kumpulan Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok Kedah sebelum Ramadan lalu.